



Paras air naik di beberapa kawasan di Kampung Che Wok dan Kampung Seri Pantai Mersing.

[FOTO MOHD SAH MUDA/BH]

"Mersing mencatatkan mangsa banjir paling ramai iaitu 1,154 orang daripada 295 keluarga yang ditempatkan di tujuh pusat pemindahan sementara"

Mejar Ronzi Mohd Khairan,
Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri

Banjir di Johor kembali buruk

» 416 keluarga terpaksa pindah ke 13 pusat pemindahan

Oleh Junita Mat Rasid dan Shalfarina Shahrman
bhnews@bharian.com.my

► **Johor Bahru**

Kadaan banjir negeri ini kembali buruk lewat petang semalam, apabila 1,700 orang daripada 416 keluarga terpaksa dipindahkan ke 13 pusat pemindahan sekitar Mersing dan Kota Tinggi.

Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri, Mejar Ronzi Mohd Khairan, berkata sehingga jam

7 petang semalam, jumlah mangsa banjir terus meningkat berbanding hanya 361 mangsa sebelumnya.

Katanya, Mersing mencatatkan mangsa banjir paling ramai iaitu 1,154 orang daripada 295 keluarga yang ditempatkan di tujuh pusat pemindahan sementara, manakala di 546 orang daripada 121 keluarga dipindahkan di Kota Tinggi.

721 orang dipindahkan

Ronzi berkata, di Mersing, 721 orang daripada 181 keluarga dipindahkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Agama Mersing Kanan, manakala SK Labong 109 mangsa (28 keluarga), SK Tenglu 48 mangsa (lapan keluarga) dan SK Sri Pantai 158 mangsa (44 keluarga).

"Balai raya Pengkalan Batu menempatkan 74 mangsa (20

keluarga), Balairaya Kampung Air Merah 34 mangsa (11 keluarga), Kompleks Penghulu Mukim Jemaluang 10 mangsa (tiga keluarga)," katanya.

Ronzi berkata, di Kota Tinggi pula, 254 orang dari 54 keluarga di Dewan Semai Bakti FELDA Air Tawar 1, Dewan Kampung Mawai Baru 42 mangsa (12 keluarga).

Selain itu katanya, 67 orang daripada 16 mangsa ditempatkan di Balai Raya Kampung Sungai Tuan Seh dan Balairaya Kampung Gembut Dalam 107 mangsa (27 keluarga).

Mangsa banjir meningkat

Katanya, 39 orang daripada lima keluarga ditempatkan sementara di Dewan Kampung Baru Sungai Mas, diikuti seramai 37 orang daripada tujuh keluarga di Balairaya Kampung Perpat.

Di **Pahang**, jumlah mangsa banjir dari lima kampung di daerah Rompin yang dipindahkan ke pusat penempatan sementara meningkat kepada 338 orang sehingga jam 6 petang semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, berkata mangsa banjir adalah dari Kampung Piangu, Kampung Kasing, Kampung Rantau Panjang, Kampung Gading dan Kampung Kurnia.

Daripada jumlah itu, seramai 171 orang membabitkan 39 keluarga dari Kampung Rantau Panjang dan Kampung Gading dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Leban Chondong, manakala 100 orang daripada 32 keluarga dari Kampung Kurnia ditempatkan di Dewan Orang Ramai Teluk Gading.